

10 OCT 1997

Mahathir-Ikrar

LEBIH 10,000 SAMBUT DR MAHAHTIR

KUALA TERENGGANU, 10 Okt (Bernama) -- Lebih 10,000 orang petang ini menyertai majlis pembacaan ikrar bagi pihak rakyat dan kerajaan negeri sebagai menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama-sama Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menangani apa jua masalah yang dihadapi negara.

Majlis itu diadakan di kawasan letak kereta lapangan terbang Sultan Mahmud dekat sini setibanya Dr Mahathir dalam rangka lawatan rasminya ke negeri ini hari ini dan esok.

Pembacaan ikrar itu diketuai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Manusia dan Pendidikan Negeri Datuk Abdul Rashid Ngah, diikuti semua hadirin dengan penuh bersemangat.

Orang ramai yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat mula berkumpul di padang letak kereta itu pukul 2 petang lagi dengan membawa pelbagai sepanduk menyatakan sokongan kepada kepimpinan Dr Mahathir dan Anwar.

Antara sepanduk yang dibawa itu berbunyi "Mahathir - Jangan gentar gugatan barat", "Mahathir - teruskan peranan wira dunia ketiga" "Hidup dan mati kami tetap bersamamu - Mahathir dan Anwar" dan "Kami menentang yang menggugat kepimpinan Mahathir dan Anwar".

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba dengan pesawat khas pukul 4.50 petang.

Turut menyambut ketibaannya ialah Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri, Timbalan Menteri Pertanian Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Haji Idris Jusoh dan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional.

Selepas majlis itu, Dr Mahahtir dan isteri bertolak ke Istana Badaraiyah, Kuala Terengganu untuk menghadap Sultan Terengganu.

Pada malam ini, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah dijadualkan mengiringi Sultan Terengganu dan Permaisuri bagi menghadiri upacara penutupan majlis Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-40 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada pukul 8.30 malam.

Sultan Terengganu juga akan menyampaikan hadiah.

Dr Mahathir dijadualkan bertolak ke Kemaman esok bagi merasmikan Institut Latihan Lanjutan Terengganu (TATI) di Telok Kalung. Beliau akan pulang ke Kuala Lumpur pukul 2.45 petang esok. -- BERNAMA

SBS NMO